

Headline	Direktori pengusaha herba		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	33	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,530
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,591



BUKU pengusaha herba yang diterbitkan FRIM.

Direktori pengusaha herba

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah menghasilkan sebuah penerbitan baharu yang bertajuk *Directory of Herbal Cultivators in Peninsular Malaysia 2015* yang mengandungi maklumat terperinci 458 pengusaha tanaman herba dan 75 pembekal bahan-bahan tanaman di Semenanjung Malaysia.

Buku yang berharga RM120 seunit telah dilancarkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek di *Seminar Pengeksportan Dalam Industri Herba 2015* di Seremban baru-baru ini.

Direktori tersebut merupakan sebahagian daripada hasil projek penyelidikan bertajuk *Kajian Rantaian Nilai Industri Herba Terpilih di Semenanjung Malaysia* yang dijalankan oleh FRIM bermula Julai tahun lalu sehingga akhir tahun ini dengan pembiayaan dana sebanyak RM1.96 juta daripada Kementerian berkenaan.

Buku tersebut dikarang bersama oleh sekumpulan pegawai penyelidik FRIM iaitu Rohana Abd. Rahman, Nur Fazreen Zainal, Ariff Fahmi Abu Bakar, Nur Syazni Adam, Siti Zubaidah Safie, Dr. Lim Hin Fui, Mohd. Shahidan Mohd. Arshad, Rosniza Rawi, Datuk Dr. Marzalina Mansor dan Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod.

Projek penyelidikan tersebut secara keseluruhannya melibatkan bancian terdapat 6,544 pemegang kepentingan dalam industri herba, iaitu pembekal bahan-bahan tanaman, pekebun, pengilang, pemborong serta peruncit di Semenanjung Malaysia.

Direktori bancian yang pertama serta terkini ini menyenaraikan 20 spesies herba iaitu belalai gajah, dukung anak, gelenggang, halia, hempedu bumi, kacip fatimah, karas, makhota dewa, mas cotek, mengkudu, merunggai, misai kucing, pegaga, peria katak, roselle, sambung nyawa, senduduk putih, serai wangi, sirih, dan tongkat ali. Sebanyak 18 spesies ini dikenal pasti oleh Kementerian berkenaan sebagai jenis tanaman herba paling utama.

Bagi setiap spesies, maklumat asas seperti famili, nama saintifik, nama tempatan, penggunaan tradisi serta gambar-gambar tumbuhan disediakan diikuti dengan butiran mengenai pengusaha tanaman serta pembekal bahan tanaman tersebut termasuk nama, alamat, nombor telefon dan faksimile.

Bangga dengan hasil penerbitan terbaru ini, Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd Latif Mohmod** berkata, buku tersebut berguna kepada industri herba sebagai rujukan untuk mendapatkan sumber bahan-bahan mentah bagi memenuhi keperluan pemrosesan mereka.

Projek penyelidikan ini bertujuan memberi input bagi pembentukan polisi serta pelaksanaan program dan aktiviti yang melibatkan industri herba; mempromosi dan memastikan kelestarian pertumbuhan industri; serta membantu pembangunan Malaysia sebagai hab herba dunia pada masa hadapan.

Buku ini boleh didapati di Kedai Buku FRIM.

Untuk maklumat lanjut mengenai buku atau projek penyelidikan tersebut, hubungi Ketua Program Ekonomi dan

Analisis Strategik FRIM, Rohana Abd. Rahman, melalui telefon: 03-6279 7559 atau e-mel: rohanasr@frim.gov.my

